



JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA

**SURAT PEKELILING
KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN
BILANGAN 1 TAHUN 2008**

PENETAPAN RESOLUSI DAN *COMPRESSION* BAGI PA TIFF

**JABATAN UKUR DAN PEMETAAN
MALAYSIA**

Dikeliling Kepada:

Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri

Salinan Kepada:

Dato' Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Pengarah Ukur Bahagian Kadaster
Pengarah Ukur Bahagian Pemetaan
Setiausaha Lembaga Jurukur Tanah Semenanjung Malaysia

Rujukan Kami:

JUPEM 18/7/2.146 (9)

Tarikh:

28 Februari 2008

Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri

**SURAT PEKELILING
KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN
BILANGAN 1 TAHUN 2008**

PENETAPAN RESOLUSI DAN *COMPRESSION* BAGI PA TIFF

Merujuk kepada perkara di atas, JUPEM telah menetapkan penghantaran data-data berdigit oleh Juruukur Tanah Berlesen (JTB) khususnya Pelan Akui dengan format TIFF dilaksanakan mengikut Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Bil. 11 Tahun 2005 bertarikh 29 September 2005. Walau bagaimana pun, kebanyakan Pelan Akui yang telah dikemukakan oleh JTB itu didapati mempunyai piawaian resolusi dan TIFF *compression* yang berbeza-beza.

2. Akibat daripada perbezaan tersebut, saiz Pelan Akui berdigit yang dikemukakan akan menjadi terlalu besar sekiranya resolusi (dpi) yang ditetapkan adalah tinggi dan sebaliknya. Ini menyebabkan Pelan Akui berdigit yang mempunyai resolusi tinggi perlu diubahsuai oleh pemproses di JUPEM Negeri bagi membolehkan prosesan data menggunakan aplikasi *Digital End Product* (DEP) dapat dilaksanakan dengan pantas dan sempurna serta tiada masalah semasa Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri membuat pengesahan menggunakan tandatangan berdigit.

3. Setelah memperhalusi kesesuaian data berdigit pada aplikasi sedia ada, adalah ditetapkan bahawa piawaian resolusi dan *compression* Pelan Akui berdigit yang perlu digunakan adalah seperti berikut:

Resolusi	:	300 dpi
Compression	:	LZW Compression

4. Sehubungan itu, penghantaran data berdigit oleh JTB hendaklah mematuhi piawaian tersebut.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATUK HAMID BIN ALI)

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Malaysia

Salinan Kepada:

Dato' Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Pengarah Ukur Bahagian Kadaster
Pengarah Ukur Bahagian Pemetaan

Edaran Luaran:

Setiausaha,
Lembaga Jurukur Tanah Semenanjung Malaysia